

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD.  
RAMLI [ LUMUT ]**

**TARIKH : 19 JULAI 2022 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI [ LUMUT ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan usaha Kementerian menangani bantahan penumpang feri ke Pulau Pangkor yang mengalami kenaikan harga tiket feri bermula 1 Julai 2022.

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kadar tambang feri di laluan perairan domestik negara dikawal selia melalui syarat perlesenan di bawah Lembaga Perlesenan Perkapalan Dalam Negeri (LPPDN) di bawah Seksyen 65D (d), Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 yang memperuntukkan kuasa kepada YB Menteri Pengangkutan untuk meluluskan peraturan yang digubal berkaitan penetapan kadar dan caj pengangkutan yang membawa penumpang atau kargo.

Hasil perbincangan Kementerian Pengangkutan bersama Jabatan Laut Malaysia dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta semakan perundangan berkaitan mendapati bahawa Kementerian tidak boleh melarang operator dari mengenakan bayaran tambahan atau surcaj minyak. Dalam hal ini, operator boleh memohon subsidi diesel dari KPDNHEP dan kelulusan dipertimbangkan secara *case-by-case* dalam Mesyuarat Jawatankuasa Subsidi Diesel yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPDNHEP. Adalah dijangkakan bahawa tindakan operator feri di Lumut-Pangkor ini akan menyebabkan operator feri lain yang beroperasi di luar Lumut-Pangkor menaikkan harga tiket feri juga dengan memberikan justifikasi yang sama.

Sehubungan itu, Kementerian mencadangkan bahawa pengenaan surcaj minyak diesel ke atas harga tambang feri ini dikenakan hanya kepada pelancong sahaja. Golongan *daily commuters* dan penduduk Pangkor tidak akan terkesan dengan pengenaan surcaj ini dan masih menikmati tambang feri sedia ada. Perincian surcaj ini perlu ditunjukkan dalam *breakdown* harga tiket sepertimana yang diamalkan dalam sektor penerbangan.

Sekian, terima kasih.